



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyop: Bisyop Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Trinititi 20 - 13 Oktober 2024

Doa Hari Ini

Bapa yang kekal, Anak-mu Yesus Kristus telah naik ke takhta syurga supaya memerintah atas segala sesuatu sebagai tuhan; peliharalah Gereja dalam kesatuan Roh dan ikatan damai sejahtera-Nya, dan taklukkan seluruh ciptaan untuk menyembah di hadapan kaki-Nya, yang hidup dan memerintah dengan Engkau dan Roh Kudus, satu Allah, sekarang dan selamanya. Amin.

Injil - Markus 10:17-31

Pembacaan Berbalas-balas -
Yakobus 3:1-18

**Barangsiapa tidak bersalah dalam perkataannya
ia adalah orang sempurna**

- Yakobus 3:2b

**Adakah perkataan kita mencerminkan
iman kita?**

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah pun bangkit, dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. SELAMAT DATANG

Selamat datang ke kebaktian pagi ini. Kami juga menyambut anda yang mengikuti kami secara dalam talian.

Sambutan istimewa buat Rev. David Wong. Dia mengongsikan firman Tuhan dalam kebaktian BC & BI.

Rektor kita dan Lorraine sudah kembali ke KK setelah melayani selama 2 minggu bersama *MV Doulos-Hope* di Puerto Princesa, Palawan, Filipina. Dia akan sambung cuti sabbatical pada bulan Oktober dan November. Semasa ketiadaannya, maka Rev. Samuel, Ps. Margaret dan PCC akan mengambil alih teraju kepimpinan pastoral dan pentadbiran gereja. Sila merujuk mereka bagi pelbagai urusan yang terkait. Mohon dukungan doa buat rektor dan isterinya Lorraine, agar disegarkan dan diperbaharui untuk tugas seterusnya.

2. 'LATIH IMAN KITA'

Apakah itu agama yang sebenarnya? Bagaimana kita mengamalkan iman kita? Kita teruskan siri khutbah dari Kitab Yakobus. Kitab yang singkat ini penuh dengan nasihat kepada para pengikut Yesus untuk mengamalkan iman kepercayaan mereka. "*Menjadi pelaku firman, dan bukan hanya pendengar saja, sebab jika tidak demikian kamu menipu diri sendiri*" - 1:22. Topik untuk beberapa minggu akan datang:

- hari ini, 13 Okt: 'Berilah Dorongan' - Yakobus 3:1-18
- 20 Okt: 'Berdamailah' - Yakobus 4:1-12
- 27 Okt: 'Bersikaplah Rendah Hati' - Yakobus 4:13-5:6
- 3 Nov: Minggu Misi - Lukas 10:1-9

Bacalah Kitab Yakobus; dan nikmati berkat saat mendengar suara Tuhan.

3. TAHNIAH


Tahniah diucapkan kepada Encik Dannis Awan & Puan Merlin Antonius, atas pernikahan mereka kelmarin, 12 Okt. Mereka adalah anggota jemaat BM kita.

4. PERSEKUTUAN DOA BAHASA CINA

Khamis ini, 17 Okt, 8:00 mlm - hibrid, di Dewan Alpha & menerusi Zoom. Fokus: Para Pemimpin Negara kita.
Meeting ID: 849 0600 4194 Passcode: 0224


5. KONFERENSI-KONFERENSI DIOSIS

- 30 Okt-1 Nov, Katedral All Saints - **Konferensi**



Pemimpin BC & BI. Menyeru semua paderi, pastor, pemimpin awam dan pemimpin pelayanan lain, untuk diperlengkapkan lagi demi untuk melayani dalam pelbagai pelayanan. Bisyop Stephen Soh, Diosis Malaysia Barat, adalah fasilitator utama. Sila mendaftar untuk menyertainya.

- 30-31 Okt, Christ Church Likas - **Konferensi Pendidikan.** Menyeru semua guru, pendidik, ahli lembaga sekolah, dan paderi kita untuk datang dan mendapatkan inspirasi untuk menjadi 'misionari' kepada generasi pelajar yang akan datang. Nota keterangan ada dipaparkan pada papan informasi.



6. PERAYAAN KE-110 TAHUN SEKOLAH ST. AGNES

Sungguh suatu pencapaian hebat!! Kita bersyukur kepada Tuhan kerana kesetiaan-Nya selama lebih dari satu abad ke atas sekolah ini. Makan Malam Kesyukuran akan diadakan pada 19 Okt nanti.



7. PEMBERITAHUAN PERNIKAHAN YANG PERTAMA

di antara Brandon Wong & Venus Chee (jemaat Bahasa Inggeris). Mereka merancang untuk melangsungkan Kebaktian Pernikahan pada 2 Nov 2024.



8. PELAYANAN-PELAYANAN LAIN

- **Tadika ASAA** dibuka untuk pendaftaran bagi kanak-kanak berumur 4-5 tahun pada tahun 2025. Butiran di papan informasi.
- 24 Okt, 8:00 pagi - **Perjamuan Kudus Rumah.**
- 26 Okt, 8:00 pagi-3:00 petang - **Global Worship Day**, gereja.
- 8-9 Nov - **Konferensi Unico**, gereja.
- **Gubahan bunga** hari ini disumbangkan oleh Mckenzie dan Racquel.

9. KASIHILAH MANGSA KEBAKARAN DI PENANGAH

Insiden kebakaran di Penangah baru-baru ini telah menjejaskan banyak keluarga, termasuk anggota gereja kita. Jika anda ingin menyumbang, boleh salurkan sama ada melalui sampul kebajikan atau secara dalam talian, dengan pernyataan 'KEBAKARAN'.

10. PROJEK LABUR - terima-kasih!!

Terkini: RM138,945/- Minggu Lepas: RM4,250/- Masih diperlukan: RM461,055/-

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



Latih Iman Kita - Yakobus 3:1-18

Berilah Dorongan

Pendahuluan

Yak 3:1 *Saudara-saudaraku, janganlah banyak orang di antara kamu mau menjadi guru; sebab kita tahu, bahwa sebagai guru kita akan dihakimi menurut ukuran yang lebih berat.*

1. **Ucapan sangat berkuasa** - Yakobus 3:4, 5

2. **Ucapan menggambarkan hati** - Yak 3:10-12

Matius 12:34b *Karena yang diucapkan mulut meluap dari hati.*

Soalan Perbincangan

1. Dalam Yak 3:5, kita dapat belajar berkenaan lidah kita yang kecil tetapi memiliki kuasa yang besar. Sejauh mana kebenarannya? Dan kongsi pengalaman anda.
2. Baca Yak 3:2. Ayat ini memberitahu akan tanda seorang Kristian telah mencapai kesempurnaan iman adalah orang yang tidak pernah salah dalam perkataannya. Perkataannya semuanya yang baik dan tidak menyakitkan. Bincangkan.
3. Dalam Yak 3:10-12, bahagian ayat ini menjelaskan kepada kita bahawa kata-kata yang kita gunakan menunjukkan hati kita yang telah jatuh, sehingga kita tidak dapat menguasai perkataan kita. Bincangkan.
4. Dalam minggu ini, adakah anda melalui pengalaman di mana ada seseorang yang telah mendorong atau menguatkan kamu dengan kata-kata mereka. Apa perasaan anda pada masa itu? Kongsi.
5. Dalam beberapa hari ini, adakah kami dapat mendorong atau menguatkan seseorang? Kongsi. (Mungkin kita juga boleh mula letakan satu komitmen untuk melakukannya, dan bermula dalam keluarga kita).
6. Melalui pembelajaran Yak 3:1-12, menurut anda, apakah yang harus kita lakukan agar kita dapat menguasai perkataan kita sehingga perkataan yang kita keluarkan semuanya adalah yang baik dan dapat memberi dorongan kepada orang yang mendengarnya. Bincangkan.

UNTUK DIDOAKAN

Dunia kita yang tercinta

- berdoa untuk negara yang terjejas oleh bencana alam: Nepal, Taiwan [agar semua orang Kristian tetap percaya teguh bahawa semua ini akan berlaku sebelum kedatangan Yesus]

Diosis kita yang dikasihi

- berdoa untuk Konferensi Kepimpinan dan Pendidikan Diosis yang akan datang [kiranya semua penceramah dan peserta menjadi saluran kasih Tuhan untuk generasi masa depan]

Diri kita sendiri

- berdoa agar kita saling menggalakkan untuk berjalan dan mentaati Tuhan [supaya kita akan terus bersinar bagi Yesus dan mengasihi sebagaimana Dia mengasihi kita]

- berdoa untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.